

Jenis Akhbar : Metro Ahad  
Tarikh : 22/11/2020  
Edisi / Muka Surat : Nasional / 17  
Tajuk : BANTUAN BERMAKNA

# BANTUAN BERMAKNA

*Golongan asnaf terjejas bersyukur terima sumbangan Angkasa*

Oleh Yusmizal Dolah  
Aling  
yusmizal@hmetro.com.my

## Kuala Lumpur

Penularan pandemik Covid-19 memberi kesan besar termasuk dalam kalangan golongan asnaf di ibu negara.

Bagi peniaga, Yasman Pakeh, 63, pendapatannya terjejas teruk sejak penularan pandemik itu sehingga menjejaskan modal pusingan untuk berniaga.

Katanya, keadaan itu menyebabkan dia kini bergantung kepada bantuan daripada pelbagai pihak selain menerima bantuan Baitulmal.

"Memang teruk berniaga sekarang ini. Tak ada pelanggan. Bila pelanggan terjejas, kami juga terjejas.

"Sampaikan nak beli beras pun tak mampu kerana saya juga perlu menanggung keluarga," katanya pada majlis



SITI Nor Khajeha menunjukkan barangan yang diterima ayahnya, Saat Mahmud.

sumbangan Coop Care Angkasa Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad, semalam. Seorang lagi penerima, Normala Nursai, 36, berkata, bantuan yang diberikan

Angkasa itu sangat bermakna kerana dia tidak bekerja, malah menjaga bapanya yang uzur serta dua saudara orang kurang upaya (OKU). Katanya, keadaan ketika



TIMBALAN Presiden Angkasa, Datuk Kamaruddin Ismail menyampaikan sumbangan.

ini benar menguji dirinya yang sebelum ini berhenti kerja untuk menjaga ibunya yang disahkan menghidap penyakit buah pinggang. "Selepas ibu meninggal, ayah pula uzur. Jadi saya perlu mengambil tanggungjawab untuk menjaga bapa

dan adik serta abang OKU. "Terima kasih kepada mereka yang menghulurkan bantuan, saya berdoa supaya selepas ini keadaan akan bertambah baik," katanya.



NORMALA

Perpustakaan Koperasi  
Malaysia ANGKASA